




Arca seni indahkan Stesen MRT Pasar Seni

MENGHARGAI seni warisan bukan sahaja membantu mempertahankan khazanah seni tetapi juga mengangkat nilai estetika budaya sebagai satu cara menghargainya.

Nilai-nilai tersebut jika diletakkan di tempat tertentu bukan sahaja bukan sahaja mencantikkan keadaan tetapi memberi nilai tambah kepada sesuatu bangunan atau binaan.

Ini yang cuba dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang memasang arca bertajuk *Sunnyside Up* yang direka penggiat seni Pamela Tan.

Arca tersebut dipamerkan

selepas pelancaran *Arts On The Move* di Stesen MRT Pasar Seni bagi menghidupkan imej ikonografi di kawasan tumpuan tersebut.

■ **SEBAHAGIAN** orang awam melintasi melalui arca instalasi bertajuk *Sunnyside Up* yang direka oleh penggiat seni, Pamela Tan dipamerkan selepas pelancaran *Arts On The Move* semalam di Stesen MRT Pasar Seni bagi mewujudkan imej ikonografi Pasar Seni dari segi warisan, budaya, inovasi dan komuniti sekitar Pusat Bandaraya Kuala Lumpur.
- UTUSAN/AMIR KHALID

um m/s 33 16/02/2023